

01 MAY 2001

Cuepacs-Gaji

KAJIAN MENGENAI SISTEM GAJI SIAP JUN INI, KATA SIVA

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Kajian untuk menambah baik atau memansuhkan jadual gaji matriks di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) akan siap Jun ini, kata Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) N.Siva Subramaniam hari ini.

Beliau berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang membuat kajian itu akan menyediakan laporan untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan seterusnya kepada Kabinet.

Menurut beliau, JPA telah bersetuju untuk membenarkan Cuepacs memberikan inputnya sebelum laporan itu disediakan dan kedua-dua pihak akan bertemu bulan ini bagi tujuan itu.

"Kita telah dimaklumkan yang perkara ini mendapat perhatian serius dan kita jangka dalam dua bulan ini perkara ini akan selesai," katanya selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 bagi anggota sektor awam di Institut Tadbiran Awam Negara di sini.

Siva Subramaniam berkata harapan Cuepacs ialah agar jadual gaji matriks ini dimansuhkan dan diganti dengan sistem gaji satu struktur atau dua struktur.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman berkata dalam majlis yang sama walaupun SSB membawa banyak faedah seperti yang dinikmati sekarang tetapi yang sering menjadi rungutan ialah cara penilaian prestasi kakitangan.

"Walaupun pada teori ia satu yang baik tapi pelaksanaan bergantung pada manusia dan oleh kerana manusia yang melaksanakan penilaian jadi kemungkinan mencapai objektif penilaian agak susah," katanya.

Beliau mengakui ada kebenaran dalam rungutan berkaitan penilaian prestasi kakitangan seperti pilih kasih walaupun agak susah untuk dibuktikan.

"Kita nak menambah baik...ada elemen-elemen dalam SSB yang timbulkan sungutan. Yang ini kita nak lihat," katanya.

-- BERNAMA

RV ES PR